

Islam di antara Kejahilan Pemeluknya, dan Kelemahan Ulamanya

(I)

Mulai dari bilangan ini majalah Qalam akan menyiarkan dengan secara bersambung-sambung, terjemahan dari sebuah kitab kecil yang berjudul: “*al-Islām bayna jahl abnā’ih wa ‘ajz ‘ulamā’ih*” buah tangan almarhum al-Ustaz Abdul Qadir Audah salah seorang penulis Islam Mesir yang terkenal di seluruh dunia Islam yang telah mati syahid di tiang gantungan kerajaan revolusi Mesir dalam tahun 1954. – Pengarang.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Pengenalan:

Al-syahid Abdul Qadir Audah, ialah seorang hakim yang terkenal di Mesir. Al-syahid menjadi anggota al-Ikhwan al-Muslimin yang terkemuka bersama-sama dengan al-syahid Hassan al-Banna. Apabila al-Imam al-syahid Hassan al-Banna terbunuh tempatnya diganti oleh Hassan al-Hudaybi dalam masa itulah pergolakan rebut kuasa di Mesir sangat hebat berlaku.

Al-syahid bersama-sama berjuang menentang kerajaan Farouk pada tahun 1953. Pada masa itu al-Ikhwan al-Muslimin bersama-sama dengan badan-badan lain besatu berjuang dengan teguh.

Jemaah tentera revolusi Mesir masa itu melantik beberapa orang yang terkemuka bagi membuat undang-undang dasar negara Mesir. Di antara orang-orang al-Ikhwan yang terpilih ialah al-syahid Abdul Qadir Audah, Hassan al-Hudaybi, al-syahid Syed Qutb, Doktor Kamal Khalifah dan lain-lainnya.

Apabila terjadi penembakan yang mungkin sengaja diatur ke atas Gamal Abdel Nasser di Iskandariah pada 26 Oktober 1954 maka tuduhan-tuduhan yang melakukan tembakan itu ialah dari orang-orang al-Ikhwan, tangkapan-tangkapan dilakukan terhadap anggota-anggota al-Ikhwan seramai

10,000 orang yang diantara termasuk *volunteer-volunteer* yang berjuang bersama-sama mempertahankan Mesir dari serangan British.

Lebih dari 100 orang yang mana diseksa (*torture*) dan enam orang dihukum bunuh 20 hari kemudiannya yang termasuk di dalamnya al-syahid Hakim Abdul Qadir Audah.

Bahagian Pertama

Apakah yang wajib diketahui oleh orang-orang Islam?

Kita sekalian sebagai sifat orang-orang Muslimin tentu sekali bergembira dan berasa bangga, lantaran kita telah dijadikan tuhan di dalam golongan orang-orang yang menganut agama Islam dan mempercayai segala ajaran-ajaran suci yang dibawanya. Meskipun demikian gembira dan bangganya kita, kalau kita kenangkan tentang kejahilan kita di dalam mengertikan hukum-hukum Islam yang terpenting dan tentang kelalaian kita terhadap kepada ajaran-ajarannya yang suci, maka pada ketika itu akan timbullah dari jiwa kita perasaan pilu dan sedih yang menyayat kalbu.

Hukum-hukum Islam dan ajaran-ajarannya:

Hukum-hukum Islam itu ialah sebagai satu prinsip dan peraturan-peraturan ciptaan Allah yang diturunkan kepada umat manusia dengan melalui kitab suci al-Qur’an al-Karim yang dipersampaikan oleh junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) kumpulan dari prinsip dan peraturan-peraturan yang diturunkan Allah kepada kita itulah yang dinamakan:

“*al-Syariah al-Islamiyyah*”. Syariah al-Islamiyyah itu mengandungi prinsip dan peraturan-peraturan suatu agama yang dinamakan agama Islam yang disusun dengan serapi-rapinya oleh penciptanya Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*. *Syariah Islamiah* itu mengandungi ajaran-ajaran tauhid (mengesakan Allah), iman, ibadat, jenayah, muamalah, ekonomi, politik dan lain-lain perkara yang mengenai soal hidup.

Sepenting-penting kewajipan terhadap agama Islam ialah mengajarkan segala hukum-hukum Allah yang dipertanggungjawabkan ke atas kita kaum Muslimin.

Tanggungjawab yang telah diletakkan oleh Islam ke atas pundak penganut-penganutnya tiada lain selain daripada menunaikan segala kewajipan, meninggalkan segala larangan dan mengerjakan segala hukum-hukum

yang diwajibkan serta menegakkan syariahnya, mempertahankan kesucian dan kemuliaannya. Oleh yang demikian barang siapa yang mencuai-cuaikan akan syariah Islamiah, maka bererti ia mencuaikan hukum-hukum Islam, apabila seseorang itu mencuai-cuaikan hukum Islam, maka bererti ia cuba hendak meruntuh dan menghancurkannya.

Hukum-hukum Islam Untuk Kepentingan Agama dan Dunia:

Hukum-hukum yang diturunkan oleh Islam terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Hukum-hukum yang semata-mata bertujuan untuk kepentingan menegakkan ajaran-ajaran Islam. Ini mengandungi hukum-hukum *a'qaid* (kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa) dan ibadat.

Kedua – Hukum-hukum yang bertujuan untuk mengatur cara-cara pemerintahan negeri, mengatur cara-cara hidup bersendirian dan cara-cara hidup bermasyarakat. Ini mengandungi hukum-hukum muamalah, kehakiman, undang-undang, pergaulan dan seterusnya.

Dengan ini bererti bahawa hukum-hukum Islam diturunkan adalah percampuran di antara urusan agama dan keduniaan, di antara urusan masjid (ibadat) dan pemerintahan. Tegasnya Islam itu adalah agama dan pemerintahan, ibadat dan ketenteraan; atau dengan perkataan yang lebih jelas, bahawa agama itu adalah suatu bahagian daripada Islam dan pemerintahan itu adalah bahagiannya yang kedua; malahan pemerintahan boleh dikatakan bahagian agama yang paling utama dan terpenting sekali.

Allah menurunkan hukum-hukum Islam dengan segala cabang rantingnya adalah dengan tujuan untuk menyelamatkan kehidupan seluruh manusia daripada terceburlah ke jurang kebinasaan hidup

di dunia dan di akhirat. Oleh itu Allah menetapkan segala amalan atau perbuatan yang dilakukan oleh setiap orang – sama ada amalan atau perbuatan itu baik mahupun jahat – ia akan meninggalkan kesan-kesan yang baik atau pun buruk di dalam kehidupannya. Tetapi segala amalan buruk atau baik yang dilakukan oleh seseorang itu bukan sahaja ia akan menerima pembalasan pada masa ia hidup di dunia ini, malahan akan diterimanya pula pembalasan yang buruk atau baik itu setelah ia berada di alam akhirat nanti. Pembalasan itu sama ada berupa nikmat di syurga atau pun azab neraka.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, bahawa syariah Islamiah itu dibina dengan tujuan untuk menyelamatkan seluruh manusia di dalam kehidupan mereka dari alam dunia hingga ke alam akhirat. Syariah Islam wajib dipatuhi dengan selengkapnya oleh penganut-penganut Islam, lantaran patuh kepada sebahagian daripada syariah itu tidak boleh menjamin keselamatan hidup seseorang Islam.

Barang siapa yang mengikuti ayat-ayat Qur'an yang ada perhubungannya dengan hukum-hukum Islam, nescaya akan mereka dapati hukum-hukum itu tersusun dari dua bahagian:

Pertama – hukum-hukum yang berhubung dengan keduniaan.

Kedua – hukum-hukum yang berhubung dengan akhirat.

Merompak kadang-kadang hukunya dibunuh, kalau di sana ada pembunuhan jiwa, kadang-kadang hanya dipotong tangan, kadang-kadang disula atau pun paling ringan dibuang negeri. Ini adalah merupakan hukum-hukum yang diterima semasa mereka masih hidup di alam dunia. Ada pun

hukum yang akan mereka terima di akhirat ialah, diazab di dalam api neraka, sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Ma'idah ayat (33):

“Innamā jazāu 'lādīna yuḥāribūna Allāha wa rasūlahu wa yas'awna fī al-arḍi fasādan an yuqattalū aw yuṣallabū aw tuqatta'a aydīhim wa arjuluhum min khilāfin aw yunfaw mina al-arḍi dhālika lahum khizyun fī 'ddunyā wa lahum fī al-ākhirati 'adhabun 'aẓīma.

Ertinya: “Tidak ada balasan bagi orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan mengadakan huru-hara di muka bumi, melainkan mereka dibunuh, atau disula atau dipotong tangan-tangan mereka dan kaki-kaki mereka, berselang-seli, atau pun dahulu mereka dari bumi itu. Yang demikian itu adalah suatu penghinaan bagi mereka di dunia, dan adalah bagi mereka di akhirat nanti azab yang besar.”

Orang-orang yang suka menaburkan fitnah dan menyiarkan tuduhan-tuduhan yang palsu, bagi mereka pembalasan di dunia dan pembalasan di akhirat yang setimpal dengan perbuatan-perbuatan mereka yang durjana tu, sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Nur ayat (19):

“Inna alladhīna yuḥibbūna an tashā'ā al-fāḥishatu fī al-ladhīna āmanū lahum 'adhabun alīmun fī 'ddunyā wa al-ākhirati wa Allāhu ya'lamu wa antum la ta'lamūn”

Ertinya: “Sesungguhnya mereka yang suka tersebarly kecelakaan dalam golongan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat, dan Allah itu Maha Mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”

Dan di dalam surah al-Nur dari ayat 23 hingga ayat 25:

“Inna alladhīna yarmūna al-muḥṣanātī al-ghāfilātī al-mu'minātī lu 'inu fī 'ddunyā

wa al-ākhirati wa lahum ‘adhabun ‘aẓīm. Yawma tashhadu ‘alayhim al-sinatuhum wa aydīhim wa arjuluhum bimā kānū ya‘amalūn. Yawma ‘idhin yuwaffihimu Allāhu dīnahumu al-ḥaqq wa ya‘lamūna anna Allāha huwa al-ḥaqqu al-mubīn

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang menuduh (memfitnah) perempuan-perempuan yang bersih, yang jujur dan yang beriman itu, dilaknat di dunia dan di akhirat dan adalah bagi mereka azab yang besar. Iaitu pada hari yang lidah-lidah mereka, tangan-tangan mereka dan kaki-kaki mereka akan menyaksikan atas mereka sekali apa yang telah mereka kerjakan. Di hari itu Allah akan sempurnakan bagi mereka balasan mereka yang sebenarnya, dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itu ialah kebenaran yang nyata.”

Ada pun membunuh dengan sengaja itu akan dibalas dua cara hukuman: dibalas bunuh dunia dan diazab dengan api neraka pada hari akhirat; sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat (178):

“Yā ‘aḡyuhūd-kullihim wa an-nabi kullihim ‘akofūnū al-qisāsu fi al-qatlā”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu hukum qisas (balas bunuh ke atas orang yang membunuh).

Orang-orang yang beriman yang dimaksudkan di dalam ayat di atas, ialah ketua-ketua orang-orang Islam yang beriman, kerana merekalah yang mempunyai kekuasaan untuk menjalankan hukum qisas itu terhadap orang-orang Islam yang menjadi pembunuh. Mehenai soal balasan bunuh terhadap orang-orang yang membunuh itu Allah ada berfirman lagi di dalam surah al-Nisa’ ayat (93):

“Wa man yaqul mu‘minān muta‘annidān fajazā ‘uhū jahannamu khālidān fīha

waghaḍiba Allāhu ‘alayhi wa la ‘anahū wa a‘addalahu ‘adhabān ‘adhīmā”

Ertinya: “Dan barang siapa membunuh seorang mukmin dengan sengaja, balasannya ialah neraka jahanam yang ia akan kekal di dalamnya, dan Allah murka atasnya dan ia dilaknat dan sediakan baginya azab yang besar.”

Begitulah hampir tidak kita jumpai hukum-hukum dari syariah Islam yang tidak menyatakan bahawa hukum-hukum yang bakal dikenakan pada hari akhirat nanti adalah mengatasi hukum yang diturunkan Allah di dunia. Sebagaimana perbuatan-perbuatan baik di dunia ini akan dibalas dengan kebaikan dan perbuatan jahat dan akan dibalas dengan kejahatan, maka di akhirat kelak kedua-dua pembalasan itu akan diberikan dengan berlipat ganda. Di akhirat perbuatan-perbuatan baik akan dibalas dengan nikmat syurga dan perbuatan-perbuatan jahat akan dibalas dengan azab neraka yang maha pedih. Maka ini termasuklah di dalam firman Allah secara umum sebagaimana yang ternyata di dalam surah al-Sajadah dari ayat 18 hingga ayat 20:

“Afaman kāna mu‘minan kaman kana fāsiqan la yastawūn. Amma al-ladhīna āmanū wa ‘amilū al-ṣālihati falahum jannatu al-ma’wā nuzulam bimā kānū ya‘malūn. Wa ‘ammā al-ladhīna fasaqū fama’wā humu al-nāru kullamā arādū an yakhrujū minhā u ‘idū fīha wa qīla lahum zūqū ‘azāba al-nāri al-ladhī kuntum bihi tukazzībūn”

Ertinya: “Maka apakah orang yang telah beriman itu sama seperti orang yang telah derhaka? Mereka tidak sama! Ada pun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka untuk mereka ialah syurga-syurga tempat kediaman sebagai hidangan, dengan sebab apa yang telah

mereka kerjakan dan ada pun orang-orang yang derhaka, maka tempat kembali mereka ialah neraka, tiap-tiap kali mereka hendak keluar daripadanya, dikembalikan mereka kepadanya; dan dikatakan kepada mereka: “Rasalah azab neraka yang pernah kamu dustakan!”

Dan firman Allah lagi dalam surah al-Nisa’ dari ayat 13 hingga ayat 14:

“Waman yuḍī‘i Allāha wa rasūlahu yudḡilhu jannatin tajrī min taḥtīhā al-anhāru khālidīna fīhā wa dhalikā al-fawzu al-aḡīm. Waman ya ‘ṣi Allāha wa rasūlahu wa yata‘adda ḥudūdahu yudkhillu naran khālidān fīha wa lahu ‘adhabun muḡīn”

Ertinya: “Dan barang siapa yang taat kepada Allah, dan Rasul-Nya, nescaya Allah masukkan ia ke dalam syurga yang mengalir padanya sungai-sungai, hal keadaan mereka kekal padanya, dan yang demikian itu suatu kejayaan yang besar. Dan barang siapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, nescaya Allah masukkan ia ke dalam neraka, hal keadaannya kekal padanya, dan adalah baginya azab yang menghinakan.

* * *

Hukum-hukum syarak diciptakan Tuhan adalah dengan tujuan untuk mengatur cara hidup manusia ke jalan kebahagiaan dunia dan akhirat. Syariah Islam bersesuaian dengan keadaan masyarakat hidup manusia yang sentiasa beredar dan berubah pada setiap masa dan zaman. Syarak mengakui bahawa kehidupan seluruh manusia di muka bumi ini hanya buat sementara waktu sahaja, tetapi kehidupan mereka di alam akhirat adalah kekal abadi buat selama-lamanya.

Dan sekalian manusia